

BIL 2 2024



# BULETIN JSG

JABATAN SAINS GUNAAN  
UITM CAWANGAN PULAU PINANG





# ISI KANDUNGAN

Dari Meja Koordinator

**01**

## Akademik

|                                 |           |
|---------------------------------|-----------|
| 3 rd ICoSeMT & 2 nd INoDEX 2023 | <b>02</b> |
| Kunjungan Dekan FSG             | <b>05</b> |
| Bengkel Kurikulum Program Baru  | <b>06</b> |
| Inovasi Keusahawanan            | <b>07</b> |
| Road to SPM: SMKTAT             | <b>12</b> |

## Stem

|                            |           |
|----------------------------|-----------|
| Karnival Kimia Malaysia    | <b>13</b> |
| Sains ke Desa              | <b>14</b> |
| Explorace PHY145           | <b>16</b> |
| Karnival STEM Pulau Pinang | <b>18</b> |
| Bridge Challenge           | <b>20</b> |
| STEAM Challenge            | <b>22</b> |

## Aktiviti

|                      |           |
|----------------------|-----------|
| Fotografi Merdeka    | <b>24</b> |
| Gotong-royong 5S JSG | <b>26</b> |
| Free Market 6.0      | <b>28</b> |

## Riadah

|                           |           |
|---------------------------|-----------|
| Ping Pong Piala TRHEA     | <b>29</b> |
| Ping Pong Bersama Perodua | <b>30</b> |
| Santai-santai Petanque    | <b>31</b> |



# Dari Meja Koordinator



*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan saam sejahtera.*

Allhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t kerana dengan izinNYA Buletin Jabatan Sains Gunaan (JSG) 2024 ini berjaya diterbitkan. Penerbitan buletin ini adalah sangat penting sebagai salah satu platform perkongsian maklumat berkenaan aktivitiaktiviti yang telah dianjurkan oleh JSG sepanjang separuh penggak kedua bagi tahun 2023.

Justeru, penerbitan buletin ini adalah untuk menyediakan maklumat terkini berkaitan dengan JSG agar ia dapat menjadi sebahagian sumber maklumat serta sebagai bahan rujukan penting yang boleh dikongsi bersama. Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Ketua Unit Penerbitan JSG dan semua ahli sidang redaksi kerana telah berjaya menerbitkan Buletin JSG Edisi 2024 ini. Usaha murni ini merupakan satu saluran kepada pensyarah JSG khasnya untuk menghasilkan penulisan ilmiah dan kajian mereka. Peluang seperti ini bukan sahaja dapat memperkembangkan profesionalisme, malah dapat melahirkan pensyarah yang mampu memberi sumbangan dalam bidang penulisan ilmiah.

Akhir kata, saya mewakili Jabatan Sains Gunaan sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan dan komen daripada ahli-ahli JSG dan warga UiTM bagi mempertingkatkan keupayaan JSG supaya terus menjadi organisasi yang sentiasa relevan khususnya dalam memartabatkan ilmu sains di UiTM. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha menerbitkan Buletin Jabatan Sains Gunaan 2024. Semoga usaha murni ini akan berterusan sehingga menjadi budaya dalam kalangan pensyarah di JSG.

**Dr. Mohd Muzafa Jumidali  
Koordinator  
Jabatan Sains Gunaan  
UiTM Cawangan Pulau Pinang**